

Berita Manmin

NO. 2 27 MAC 2022

“Saya benar-benar menyukai Firman kehidupan yang tidak dapat kita dengar di tempat lain”

‘GCNTV HINDI’, Saluran YouTube



Melalui saluran YouTube ‘GCNTV HINDI’, audiens berterusan memberi kesaksian bahawa mereka telah menerima Yesus Kristus dan menjalani kehidupan yang diberkati dengan mendengar khutbah Dr. Jaerock Lee dan mengalami kerja-kerja penyembuhan serta mendapat jawapan dengan menerima rakaman doa beliau untuk orang yang sakit.

Pastor John Kim dari Gereja Manmin Delhi di India melancarkan saluran YouTube pada bulan Mei 2014 dan menjalankan pelayanan media sosial dengan bersungguh-sungguh melalui GCNTV HINDI pada tahun 2017.

Saluran YouTube ini mewujudkan

persekitaran yang membolehkan anggota-anggota Manmin yang menerima rahmat sewaktu seminar pastoral dan perjumpaan sapu tangan (Kisah Rasul-rasul 19:12) di setiap wilayah dapat berterusan mendengar injil kesucian untuk bertumbuh dalam iman mereka.

Video khutbah Dr. Jaerock Lee seperti ‘10 Perintah’, ‘Pesanan Salib’, ‘Ukuran Iman’, ‘Syurga’, ‘Neraka’, ‘Bab Kasih’, ‘Ucapan Bahagia’, dan sebagainya serta doa untuk orang yang sakit telah dialih suara ke dalam bahasa Hindi dan dikongsikan melalui saluran YouTube.

Audiens yang telah menonton video berkenaan melahirkan rasa

syukur mereka dengan berkata, “Saya sangat menyukai Firman kehidupan yang tidak dapat kita dengar di tempat lain”, “Saya mengalami rahmat dan berkat apabila saya melakukan Firman Tuhan”, “Keluarga saya yang dahulunya selalu bertengkar, kini berdamai dalam kasih” dan sebagainya, serta bilangan pelanggan terus meningkat.

Sehingga Januari 2022, bilangan pelanggan GCNTV HINDI melebihi 20,000 orang dan jumlah tontonan doa Dr. Jaerock Lee untuk orang sakit mencatatkan 1.76 juta orang, khutbah ‘Sepuluh Perintah’ 62,000 orang, khutbah ‘Pesanan Salib’ 37,400 orang dan khutbah ‘Kuasa Tuhan’ 29,000 orang.

Lebih 50 gereja rumah telah didirikan di seluruh India dan melaluinya 250 keluarga menjadi anak-anak Tuhan.

Selain itu, GCNTV HINDI bukan sahaja menyiarkan pelbagai ibadat penyembahan Gereja Pusat Manmin dan Perjumpaan Doa Daniel dalam bahasa Hindi malah juga mengendalikan akademi Alkitab dan program pengetahuan Kristian secara atas talian berdasarkan khutbah Dr. Jaerock Lee.

Anggota Gereja Manmin Delhi yang setia dalam setiap bidang seperti terjemahan, alih suara dan sari kata dengan baik hati menjawab panggilan telefon daripada para penonton siang dan malam, dan Pastor John Kim berterusan bertemu

dengan para penonton menerusi sembang video.

Dengan demikian, persekutuan dan kaunseling iman secara berterusan dapat dilakukan walaupun tanpa komunikasi secara bersemuka. Walaupun di tengah-tengah

pandemik COVID-19, anggota-anggota Manmin di seluruh India menerima banyak berkat dengan menjalani kehidupan yang beriman dengan dipenuhi oleh Roh Kudus.

Pastor John Kim berkata, “Agar lebih banyak jiwa mencapai

keselamatan pada masa hadapan, GCNTV HINDI merancang untuk menyebarkan injil kesucian dan karya kuasa ke seluruh dunia dengan meluaskannya ke dalam bahasa lain seperti Marathi dan Bengaluru di India sebaik bahasa Hindi.

KESAKSIAN DARIPADA PENONTON GCNTV HINDI

Semua kesakitan akibat ulser perut hilang.

Vinay Navrang (Usia 25, Chandigarh Bilarspur, India)



Saya terpaksa makan banyak ubat kerana mengalami kesakitan perut akibat ulser perut selama enam tahun dan menderita sakit kepala, sakit dada dan sakit tulang belakang. Ibu bapa saya yang tidak berkemampuan mengalami kesukaran untuk membayar rawatan perubatan saya.

Setiap kali saya menderita sakit, saya selalu mencari doa pastor untuk orang sakit dan menerimanya. Kemudian pada suatu hari, semasa saya mencari doa untuk orang sakit, secara kebetulan saya ternampak doa Dr. Jaerock Lee untuk orang sakit dan menerima doa itu.

Saya menerima doa Dr. Jaerock Lee melalui GCNTV HINDI. Saya membuat panggilan telefon ke Gereja Manmin Delhi yang nombornya tertera pada skrin. Seorang saudara yang menjawab panggilan telefon saya berkata dengan suara yang lembut bahawa saya dapat disembuhkan dan Dr. Soojin Lee akan memimpin satu perjumpaan penyembuhan. Dia juga mengirimi saya pautan untuk mengakses Perjumpaan Doa Daniel dan membantu saya berdoa untuk kesembuhan saya.

Saya menghantar gambar dan permohonan doa saya untuk menerima doa beliau dalam perjumpaan

tersebut. Saya merasakan kehadiran Tuhan Yesus dan mengucapkan syukur. Saya mengikuti perjumpaan itu dengan penuh harapan dan merasakan karya Roh Kudus yang kuat.

Dr. Soojin Lee berdoa dengan sapu tangan kuasa sambil membaca nama penyakit (Kisah Rasul-rasul 19:11-12). Apabila beliau menyebut “ulser perut”, badan saya mula menggigil. Dua kali saya terasa hendak muntah tetapi saya menumpukan perhatian saya untuk menerima doa beliau. Mengagumkan sekali kerana semua kesakitan segera hilang. Sebelum menghadiri perjumpaan tersebut, saya berdoa, “Tuhan! Tolong hentikan kesakitan ini sekurang-kurangnya untuk satu atau dua minit kerana sakit ini tidak dapat saya tanggung”, tetapi selepas saya menerima doa beliau, semua kesakitan hilang dalam sekelip mata. Haleluyah!

Saya memberi kesyukuran dan kemuliaan kepada Tuhan Bapa Yang Maha Kasih yang memimpin saya ke jalan untuk mendapat jawapan dan berkat serta menyembuhkan saya. Saya juga berterima kasih kepada Dr. Soojin Lee atas doa beliau dan GCNTV HINDI.

Pengakuan Iman

1. Gereja Pusat Manmin percaya bahawa Alkitab ialah Firman Tuhan yang sempurna dan tidak bercacat cela.
2. Gereja Pusat Manmin percaya kepada kesatuan dan karya Tuhan Trinitas: Tuhan Bapa, Tuhan Anak dan Tuhan Roh Kudus.
3. Gereja Pusat Manmin percaya bahawa kita diampunkan daripada dosa kita hanya melalui darah penebusan Yesus

Kristus.

4. Gereja Pusat Manmin percaya kepada kebangkitan dan pengangkatan Yesus Kristus, Kedatangan-Nya yang Kedua, Kerajaan Seribu Tahun, dan Syurga yang abadi.
5. Anggota Manmin mengaku iman mereka melalui “Pengakuan Iman Rasul” pada setiap kali mereka berkumpul dan percaya kepada kandungannya kata demi kata.

“[Tuhan] Dialah yang memberikan hidup dan nafas serta segala sesuatu kepada manusia.” (Kisah Rasul-rasul 17:25)
 “Hanya melalui Yesus orang diselamatkan, kerana di seluruh dunia tiada orang lain yang mendapat kekuasaan daripada Allah untuk menyelamatkan kita.” (Kisah Rasul-rasul 4:12)



Pastor Kanan Dr. Jaerock Lee

Aku adalah AKU

“Allah berfirman kepada Musa, “Aku adalah AKU. Inilah yang mesti engkau katakan kepada mereka, ‘Dia yang menyebut diri-Nya AKU sudah mengutus saya kepada kamu’” (Keluaran 3:14)

Dalam kehidupan Kristian kita, sangat penting untuk kita memahami siapa Tuhan.

Sesetengah orang Kristian berkata bahawa mereka percaya kepada Tuhan tetapi mereka tidak merasakan kasih-Nya dan tidak mempunyai jaminan keselamatan. Hanya apabila kita mengetahui asal usul Tuhan barulah kita dapat mempunyai hubungan yang rapat dengan Tuhan dan menjalani kehidupan yang dipenuhi Roh Kudus dengan jaminan keselamatan.

1. Tuhan yang tanpa permulaan dan penghabisan ialah “Aku adalah AKU”

Dalam segala perkara yang dipelajari dan dialami oleh manusia, sentiasa ada “permulaan” dan “penghabisan”. Sebagai contoh, manusia dan binatang mempunyai permulaan dan penghabisan. Permulaan manusia dan binatang ditandai oleh kelahiran oleh ibu bapa dan penghabisan mereka ditandai oleh bila dan bagaimana mereka mati. Tidak kira berapa tua sesuatu objek antik, asalnya dihasilkan oleh seseorang. Semua peristiwa sejarah mempunyai permulaan dan penghabisan.

Atas sebab ini, sesetengah orang bertanya, “Siapakah yang menciptakan Tuhan?” atau “Sejak bilakah Tuhan hadir dan apakah yang ada sebelum Dia?” Sesetengah orang yang lain berfikir dan tertanya-tanya tentang bagaimana Tuhan mula-mula wujud, seolah-olah ada titik permulaan kewujudan-Nya. Walau bagaimanapun, jika Tuhan yang merupakan Pencipta dan Yang Mutlak mempunyai permulaan yang sedemikian, tentu hal ini paling pelik antara semuanya.

Jika Tuhan telah memulakan kewujudan pada satu ketika dalam sejarah, orang pasti akan berfikir tentang perkara-perkara yang mungkin mendahului Tuhan dan tentang masa sebelum kehadiran-Nya. Tuhan tidak dapat menjadi Pencipta mahupun Yang Mutlak jika ada orang yang lain yang menciptakan atau melahirkan-Nya. Oleh itu, jika Tuhan sememangnya mutlak dan sempurna, Dia haruslah tanpa permulaan atau penghabisan dan mesti wujud dengan sendirinya.

Mengenai siapa Tuhan, Dia berkata kepada Musa dalam Keluaran 3:14, “Aku adalah AKU.” Tidak ada yang melahirkan Tuhan atau menciptakan-Nya. Tuhan telah

wujud dari selama-lamanya, masa sebelum keabadian hingga selama-lamanya (melangkaui keabadian).

2. Tuhan wujud sebagai cahaya dan suara tetapi menjadi Tuhan Trinitas iaitu Tuhan Bapa, Tuhan Anak dan Roh Kudus

Dalam bentuk atau gambaran apa Tuhan kita yang telah ada dari masa sebelum keabadian wujud? Yohanes 1:1 memberitahu kita, “Sebelum dunia ini diciptakan, Firman sudah ada. Firman itu bersama-sama Allah, dan Firman itu sama dengan Allah.”

Frasa “sebelum dunia ini diciptakan” merujuk kepada masa sebelum perkara-perkara di dalam alam semesta ini diciptakan, iaitu ketika Tuhan wujud dengan sendirinya. Frasa ini melambangkan masa yang tidak akan difahami oleh manusia dengan pengalaman dan pengetahuannya yang terbatas. Mengenai Tuhan yang wujud dengan sendirinya sebelum keabadian, Yohanes 1:1 memberitahu kita bahawa “Firman itu sama dengan Allah.” Tuhan belum lagi mengambil bentuk tertentu tetapi wujud sebagai Firman itu sendiri, dan ini ialah “suara”.

1 Yohanes 1:5 juga memberitahu kita, “Cahaya ini bersinar dalam kegelapan, dan kegelapan tidak dapat memadamkannya.” Terdapat kepentingan rohani yang terkandung dalam istilah “cahaya” dan “kegelapan”. Istilah “kegelapan” merangkumi semua yang tidak benar seperti tidak jujur, jahat dan berdosa manakala istilah “cahaya” merujuk kepada semua yang benar seperti kasih, kebaikan, kejujuran dan sebagainya. Namun begitu, Tuhan bukan sekadar “Cahaya” dari segi rohani tetapi Dia juga wujud sebagai cahaya pada masa “sebelum dunia ini diciptakan”.

Tuhan yang merupakan Firman wujud di tengah-tengah cahaya yang begitu indah dan menakjubkan dengan suara yang jelas dan telus. Dia wujud di tengah-tengah cahaya yang indahnya yang tidak dapat dibayangkan dan sebagai suara yang telus, lunak, lembut, gah dan gemuruh yang bergema di seluruh alam semesta.

Kemudian pada masa yang dipilih-Nya, Tuhan yang wujud sebagai cahaya dan suara membuat pertimbangan

untuk mencipta manusia; Tuhan menghendaki seseorang yang dengannya Dia dapat berkongsi kasih. Untuk menyempurnakan semua rancangan yang berkaitan dengan pemupukan manusia, Tuhan Yang Asal mula membentuk Diri-Nya kepada “Tuhan Trinititi”: Tuhan Bapa, Tuhan Anak dan Tuhan Roh.

Bermula dari masa ini, Tuhan Yang Asal mengambil gambaran yang lebih konkrit sebagai Tuhan Trinititi. Seperti yang tercatat dalam Kejadian 1:26, kita tahu gambaran-Nya: “Sekarang Kita akan mencipta manusia yang akan menjadi seperti Kita dan menyerupai Kita.” Dengan kata yang lain, apabila Tuhan Trinititi mencipta manusia, Dia mencipta manusia menurut gambaran-Nya. Penampilan luar manusia dicipta menurut gambaran Tuhan dan hati manusia dicipta untuk menyerupai hati Tuhan. Walau bagaimanapun, sejak Adam berdosa, hati manusia yang menyerupai hati Tuhan telah berubah menjadi lebih teruk dan secara beransur-ansur jauh daripada Tuhan.

3. Hanya “Aku adalah AKU” yang kita sembah

Tidak seperti manusia yang sekadar makhluk, Tuhan wujud dengan sendiri dari selama-lamanya hingga selama-lamanya. Hanya “Aku adalah AKU” ialah Tuhan yang benar dan sempurna serta hanya Dia yang kita sembah dan kasihi. Namun begitu, sesetengah orang tidak mengenal Tuhan ini dan justeru itu menyembah berhala yang dibuat oleh manusia. Individu sedemikian mengukir dan membentuk objek yang diperbuat daripada emas, perak, kayu dan batu; dan mereka kemudian tunduk di hadapannya!

Katakan ada seorang anak yang anda lahirkan tidak dapat mengenali anda dan pergi kepada orang yang tidak dikenali lalu memanggilnya, “Emak!” atau “Ayah!” Betapa hati anda akan berasa kecewa dan terluka. Dengan cara yang sama, dapatkah anda membayangkan betapa kecewa dan terluka hati Tuhan Pencipta sekiranya akan menyembah berhala yang dibuat oleh manusia? Atas sebab ini, Tuhan membenci penyembahan berhala.

Dalam Keluaran 20:3-5 Tuhan memberitahu kita, “Jangan sembah tuhan-tuhan lain; sembahlah Aku sahaja. Jangan buat patung bagi diri kamu, patung yang menyerupai apa-apa pun yang ada di langit, di bumi, atau di dalam air di bawah bumi. Jangan sujud atau sembah kepada patung apa pun, kerana Akulah TUHAN, Allah kamu, dan Aku tidak mahu disamakan dengan apa-apa pun. Aku menghukum orang yang membenci Aku. Aku juga menghukum keturunan mereka sehingga generasi ketiga dan keempat.” Hanya Tuhan yang merupakan “Aku adalah AKU” ialah Tuhan yang benar. Kita mesti menyembah dan melayani Dia sahaja.

Ada satu lagi perkara yang harus anda ingat. Yesus

Penyelamat yang datang ke dunia ini ialah Tuhan Pencipta yang sama. Tiada lelaki atau wanita yang dapat menjadi ibu atau bapa-Nya. Sudah tentu apabila Yesus datang ke dunia ini sebagai Penyelamat, dia mengenakan tubuh manusia dan dilahirkan oleh seorang anak dara.

Namun begitu, kita baca dalam Matius 1:18, “Ibu-Nya, Maria, bertunang dengan Yusuf. Tetapi sebelum mereka berkahwin, Maria sudah mengandung kerana kuasa Roh Allah.” Sebab Maria dirujuk sebagai “ibu” dalam ayat ini adalah kerana kisah ini dicatatkan oleh salah seorang pengikut Yesus. Yesus tidak dilahirkan dengan pengaruh keturunan yang diwariskan kepada-Nya daripada sperma Yusuf atau ovum Maria. Yesus dilahirkan oleh kuasa Roh Kudus. Tuhan hanya menggunakan Anak Dara Maria dalam kehamilan sebagai alat untuk melahirkan Penyelamat.

Dalam banyak bahagian di dalam Alkitab, dapat kita lihat Yesus memanggil Anak Dara Maria sebagai “Puan” dan bukannya “Ibu”. Tiada catatan dalam Alkitab yang menunjukkan Yesus memanggil Maria “ibu”. Tiada wanita, yang sekadar makhluk, dapat menjadi ibu kepada Tuhan Pencipta. Sesetengah orang menyembah dan memuji Anak Dara Maria seolah-olah mereka menyembah Tuhan sendiri. Walau bagaimanapun, anda harus ingat bahawa tiada makhluk yang boleh kita sembah. Anda harus ingat bahawa hanya Tuhan Trinititi yang boleh kita sembah.

Saudara dan saudari yang saya kasihi dalam Kristus, Tuhan yang merupakan “Aku adalah AKU” wujud sebagai cahaya dan suara sebelum dunia ini diciptakan. Untuk memperoleh anak-anak sejati yang dapat berkongsi kasih dengan Tuhan selama-lamanya, Tuhan mencipta manusia dan memulakan pemupukan manusia. Untuk pemupukan manusia, Tuhan mula wujud sebagai Tuhan Trinititi. Saya berdoa demi nama Tuhan Yesus bahawa dengan sentiasa ingat bahawa Tuhan Pencipta sahaja ialah Tuhan sebenar dan hanya menyembah-Nya, anda dapat menjalani kehidupan Kristian yang penuh berkat.

Berita Manmin

Malay

Diterbitkan oleh Gereja Pusat Manmin

73, Yeoidaebang-Ro, 22-Gil, Dongjak-Gu, Seoul, Korea Selatan (Poskod: 07058)

<http://www.manmin.org/english>www.manminnews.comE-mel: manminen@manmin.kr

Penerbit: Dr. Jaerock Lee

Diterjemahkan oleh Biro Misi Luar Negara



Telefon: 82-2-824-7107
www.gcntv.org
webmaster@gcntv.org



Manmin International Seminary

Telefon: 82-2-818-7032
www.manminseminary.org
manminseminaryhq@gmail.com



World Christian Doctors Network

www.wcdn.org
wcdnkorea@gmail.com



Urim Books

Telefon: 82-2-818-7241
www.urimbooks.com
urimbook@hotmail.com

SOROTAN KHAS

5 tip untuk memeriksa kebaikan hati anda

1. Adakah anda berasa sedih atau tawar hati?

Sesetengah orang berasa tawar hati dengan pemikiran bahawa seseorang yang kurang berdoa dan kurang setia berbanding diri mereka sendiri diiktiraf dan dipuji. Mereka telah setia dengan segenap masa, wang dan hati mereka tetapi jika tiada ganjaran atau hasil diberi kepada mereka, mereka mungkin menjadi tawar hati. Perasaan sebegini berpunca daripada iri hati dan cemburu.

Tuhan mengatakan jangan merungut atau cemburu kepada orang yang jahat atau orang yang berbuat salah (Mazmur 37:1). Jika anda berasa iri hati atau cemburu kepada orang lain kerana anda tidak menerima pengiktirafan atau pujian sebanyak yang anda lakukan, anda perlu sedar betapa jahatnya perasaan sebegini.

Berdoa kepada Tuhan, setia dan menunaikan kewajipan anda bukanlah untuk menerima apa-apa ganjaran, juga bukan untuk

diiktiraf atau dipuji. Sudah tentu Tuhan akan memberkati orang yang setia dengan hasil yang setimpal dengan mereka di muka bumi ini. Walaupun mereka tidak menerima apa-apa berkat yang kelihatan di muka bumi ini, mereka pasti akan menerimanya sebagai pahala pada masa hadapan di Syurga.

Orang yang percaya dan mengharapkan perkara ini tidak akan berasa sedih atau tawar hati sekiranya mereka tidak menerima pujian atau ganjaran setimpal dengan kesetiaan mereka. Dengan hati seorang hamba biasa (Lukas 17:10), mereka melakukan pekerjaan Tuhan Bapa yang mengasihi mereka dan memberikan mereka rahmat dan berkat, serta memimpin mereka ke Syurga. Oleh itu, mereka tidak kisah sama ada orang lain tahu atau tidak apa yang telah dilakukan oleh mereka.

2. Adakah anda mengutamakan kepentingan orang lain?

Mengalah bererti melepaskan faedah yang akan datang kepada anda dan menyerahkannya kepada orang lain. Walau bagaimanapun, mengutamakan kepentingan orang lain melangkaui tahap itu. Hal ini berkenaan hati yang mahu membantu orang lain

walaupun berkorban diri supaya orang lain mendapat lebih banyak pengiktirafan dan pujian serta menjadi pemimpin.

Jika anda mengikut hati ini dalam segala perkara, anda akan disayangi dan diiktiraf oleh orang di sekeliling anda.

3. Adakah anda mempunyai hati yang bersedih?

Bersedih atas dosa seseorang, bersedih untuk jiwa-jiwa, dan bersedih untuk pemerintahan Tuhan adalah wajar di hadapan Tuhan. Namun begitu, ada kesedihan yang disebabkan oleh kejahatan. Sesetengah orang mengeluh tentang situasi diri mereka dan berasa kesal tentang apa yang tidak ada pada diri mereka, membandingkan diri mereka dengan orang lain.

Walaupun mereka mendapat tahu tentang kejahatan diri mereka

sendiri, mereka menyalahkan orang lain kerana tidak mendapat ibu bapa yang baik atau tidak dapat membesar dalam persekitaran yang baik. Sikap sebegini mengandungi iri hati, cemburu dan kemarahan terhadap Tuhan. Jika anda telah menyedari kejahatan diri anda, anda perlu merendahkan hati anda, bertaubat sepenuhnya, dan meminta pertolongan Tuhan. Hanya apabila anda bersedih seperti ini, barulah anda dapat diubah.

4. Adakah anda mempunyai hati yang mengalah?

Dapatkan anda mengalah walaupun sesuatu perkara menyebabkan kerugian besar kepada anda?

Setiap antara kita merupakan anggota Kristus. Oleh itu, jika anda bertegas dengan cara dan harta anda bahawa anda adalah orang yang paling penting, anda tidak akan dapat mencapai keharmonian dengan

orang lain (Roma 12:5).

Kita harus mempunyai hati yang mengambil berat dan mengalah antara satu sama lain. Hati seperti ini juga merupakan jenis hati yang mengutamakan kepentingan orang lain.

5. Adakah anda bersukacita dengan kebenaran?

Untuk mencapai hati yang bersukacita dengan kebenaran, kita mesti menyingkirkan iri hati, cemburu dan kebencian daripada hati kita. Tidak boleh ada jejak mengumpat, menghakimi dan mengutuk orang lain.

Lebih-lebih lagi, kita sepatutnya dapat bersukacita walaupun seseorang yang kita rasa lebih rendah daripada kita diiktiraf dan dipuji. Hanya dengan cara begini barulah kita dapat dikatakan mempunyai hati yang benar-benar bersukacita dengan kebenaran.


Saya terlibat dalam kemalangan kereta tiga tahun yang lalu apabila saya terlanggar sebuah treler lalu tubuh saya terhumban. Kemalangan ini menyebabkan cakera tulang leher saya yang kelima dan keenam retak. Saya terpaksa berbaring atau duduk dengan mendongakkan kepala saya akibat kesakitan. Kehidupan seharian saya sangat tidak selesa, misalnya saya perlu berehat beberapa kali sewaktu memberus gigi saya akibat kesakitan pada lengan dan bahu.

Pada masa itu, saya diberitahu bahawa mungkin ada kesan sampingan jika saya menjalani pembedahan cakera tulang leher. Oleh itu, saya tidak menjalani pembedahan sebaliknya saya mengambil pelbagai suntikan seperti akupunktur dan suntikan steroid di pelbagai hospital serta mengambil ubat. Namun begitu, keadaan saya tidak bertambah baik.

Sedikit sahaja pergerakan sudah membuatkan saya berpeluh banyak sehingga pakaian saya basah akibat kesakitan, dan tubuh saya juga selalu membengkak. Lama-kelamaan, kesakitan itu menjadi sangat teruk sehingga saya perlu mengambil ubat penahan sakit jenis opioid untuk bertahan dengan kesakitan. Saya berasa tawar hati kerana keadaan tidak bertambah baik walaupun saya telah mencuba pelbagai ikhtiar.

Akhirnya, saya berasa bahawa satu-satunya yang dapat menyembuhkan saya dengan sepenuhnya ialah Tuhan Bapa. Oleh itu, saya menghadiri Perjumpaan Doa Nazar Daniel yang bermula pada 22 November pada tahun lepas dan berdoa dengan sebaik mungkin dengan keinginan untuk 'disembuhkan dalam Perjumpaan Penyembuhan Ilahi pada 10 Disember.'

Kemudian, rahmat Tuhan Bapa datang dan saya mendapat



“Saya disembuhkan daripada kesakitan yang teruk pada cakera tulang leher!”

✿

**Diakon Eunjoo Shin
(Usia 53, Misi Kanaan)**

kesedaran melalui inspirasi Roh Kudus. Saya bertaubat dengan linangan air mata kerana saya telah kehilangan kasih saya yang pertama kepada Tuhan dan hidup secara duniawi. Selepas saya bertaubat, hati saya berasa lega. Saya berasa damai dan gembira apabila saya dipenuhi oleh kasih Tuhan Bapa. Pada 10 Disember, saya menghadiri Perjumpaan Penyembuhan Ilahi melalui GCN, dan secara ajaibnya, saya langsung tidak berasa sakit. Apabila Dr. Soojin Lee berdoa untuk orang sakit sambil memegang sapu tangan kuasa (Kisah Rasul-rasul 19:11-12) yang telah didoakan oleh Dr. Jaerock Lee, bahu saya terasa hangat. Saya dapat yakin bahawa 'Tuhan Bapa sedang menyembuhkan saya.'

Saya dapat tidur dengan selesa pada malam itu walaupun dengan kesakitan. Namun begitu, saya tersedar dari tidur kemudiannya kerana seluruh tubuh sangat berasa sangat panas. Selepas bangun dari katil, saya pergi ke tempat yang dingin, minum air sejuk dan menyejukkan badan saya untuk seketika sebelum saya dapat tidur lagi. Pada pagi keesokannya, tubuh saya berasa segar dan ringan seolah-olah saya sedang terbang kerana saya dapat tidur nyenyak tanpa kesakitan untuk kali pertama selepas bertahun-tahun lamanya menanggung kesakitan.

Selain itu, saya juga menghidap hernia cakera tulang belakang dan skoliosis. Namun begitu, ketika saya di duduk di tandas setelah bangun pada pagi itu, saya terdengar bunyi pop dari bahagian bawah belakang saya lalu sakit belakang hilang. Apabila saya bangun dan bergerak, tubuh saya terasa segar dan nyaman.

Saya sangat sihat sekarang. Saya memberi kesyukuran dan kemuliaan kepada Tuhan Bapa, yang menunggu saya dengan kasih dan memberi saya kebahagiaan yang sejati.



**“Penglihatan saya bertambah baik,
jadi saya tidak mempunyai
gejala astigmatisme dan dapat
melihat dengan jelas.”**

Diakon Kanan Hyeran Yim (Usia 55, Paroki ke-15)

Menjelang Perjumpaan Penyembuhan Ilahi pada bulan Januari, saya berfikir, ‘Saya perlu menerima doa untuk membaiki penglihatan saya.’ Hal ini demikian kerana saya mempunyai gejala astigmatisme yang menyebabkan penglihatan kabur dan menjadikan mata saya letih dan merah. Penyakit mata ini juga menyebabkan saya mendapat sakit kepala.

Saya berasa sangat kesal di hadapan Tuhan Bapa apabila saya menonton Majalah Manmin yang disiarkan dalam Ibadat Semalaman Jumaat pada 21 Januari ketika Perjumpaan Penyembuhan Ilahi diadakan. Majalah Manmin tersebut memaparkan kesaksian kesembuhan setelah bertaubat daripada sikap tidak bersyukur atas kesembuhan melalui karya kuasa Tuhan.

Sebenarnya, saya juga pernah mempunyai pengalaman disembuhkan daripada astigmatisme pada suatu masa dahulu. Astigmatisme bermula

secara beransur-ansur ketika saya bersekolah menengah atas. Selepas mengandung dan bersalin, saya sering mengalami mata merah dan sakit kepala. Pada masa itu, saya menerima doa untuk pemulihan penglihatan saya dalam Perjumpaan Kebangkitan Khas yang dipimpin oleh Dr. Jaerock Lee. Saya juga menerima rakaman doa untuk orang sakit dan menyembur air Muan. Kemudian, penglihatan saya pulih, gejala astigmatisme hilang dan saya dapat melihat dengan jelas. Sudah tentu kemerahan pada mata saya hilang dan sakit kepala saya juga hilang. Namun begitu, setelah bertahun-tahun lamanya masa berlalu, saya melupakan kesyukuran itu dan membiarkannya tanpa memuliakan Tuhan dengan kesaksian saya.

Selepas menerima rahmat daripada kesaksian dalam Majalah Manmin, saya sangat mendambakan jawapan dengan hati ‘Saya mesti menerima kesembuhan pada hari ini dan

memuliakan Tuhan.’ Api Roh Kudus datang kepada saya apabila Dr. Soojin Lee berdoa sambil berkata, “pemulihan penglihatan’ antara nama pesakit yang menerima doa itu dari dalam dan luar negara. Selepas itu, penglihatan saya pulih, dan saya dapat melihat dengan jelas. Gejala keletihan dan kemerahan mata serta sakit kepala semuanya hilang. Haleluyah!

Pada minggu kedua bulan Januari, selepas suntikan vaksin dos ketiga, saya mengalami sakit kepala dan pening yang teruk, jadi saya tidak dapat berbuat apa-apa. Namun begitu, semua gejala hilang dan kekuatan tubuh saya pulih apabila saya menerima doa malam Dr. Jaerock Lee pada akhir Perjumpaan Doa Daniel.

Saya memberi kesyukuran dan kemuliaan kepada Tuhan Bapa Yang Maha Kasih kerana menjawab doa saya dan memberkati saya sehingga saya dapat bertemu dan mengalami kuasa Tuhan Yesus ketika saya memintanya.